

24

TAZKIRAH MINGGU INI (T.M.I.): DASAR KERJA ORANG BEKERJA

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 27 Jun 2011 7:36

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

27 JUN 2011/25 REJAB 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: SUKACITA dikemukakan Tazkirah Minggu Ini (T.M.I) oleh Pusat Islam untuk renungan bersama:

Dasar Kerja Orang Bekerja

Daripada Imran r.a., katanya, saya bertanya: "Ya Rasulullah, apa dasar kerja orang yang bekerja. Baginda menjawab. Setiap orang dimudahkan mengerjakan apa yang dia telah diciptakan untuk itu."

(Riwayat Bukhari)

Huraian

1. Manusia adalah makhluk yang bekerja. Bahkan manusia tidak akan mendapat sesuatu apa pun kecuali apa yang diusahakannya sendiri. Oleh itu tidaklah menghairankan jika kita juga sering mendengar bahawa masuk syurga atau neraka itu ditentukan oleh amal atau perbuatan seseorang, pekerjaannya atau usahanya ketika di dunia.
2. Aspek-aspek kerja dalam Islam sesungguhnya terkandung dalam bentuk yang sangat luas mencakupi seluruh kehidupan itu sendiri, ia bersifat fizikal, intelektual dan juga spiritual.
3. Apa yang ditekankan oleh Islam ialah supaya kita bekerja atau berusaha untuk kebaikan dan dengan cara yang baik kerana orang yang beriman dan bekerja dengan baik, Allah SWT akan memberinya kehidupan yang baik.
4. Sesungguhnya kerja dengan amal mempunyai terjemahan yang sama di dalam Islam meskipun masyarakat mengenalinya dari sudut yang berbeza. Amal sering kali diberi makna pada tindakan atau kerja kebajikan sedangkan kerja dikategorikan pada tindakan manusia yang menghasilkan upah atau gaji dalam bentuk wang mahupun material dan sebagainya yang bersifat ekonomi untuk menjaga kelangsungan hidup bagi diri sendiri atau orang-orang yang di bawah tanggungjawabnya.
5. Dalam Islam, dasar kerja atau amal adalah niat yang akan membezakan sama ada sesuatu tindakan itu berupa kebajikan atau tidak. Allah menegaskan bahawa adalah menjadi satu kewajiban kepada kita untuk melakukan yang terbaik dalam memikul amanah dan tanggungjawab kerana Allah tidak akan memberatkan seseorang dengan sesuatu yang tidak mampu dilakukannya. Oleh sebab itu seseorang itu dikurniakan Allah kelebihan yang tersendiri untuk memudahkannya mengerjakan apa yang dia telah mahir (tahu) tentang sesuatu.

Pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi Ustazah Madiah binti Mohamed Ibrahim di talian 04-928 5806.

=====

DARIPADA:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT